

---

**PEKELILING PENGURUSAN BIL. 7 TAHUN 2021**

---

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEKERJAAN LUAR  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA****TUJUAN**

Pekeliling Pengurusan Bil. 7 Tahun 2021 ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan Garis Panduan Pengurusan Pekerjaan Luar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1 Tahun 2021 yang telah bersidang pada 21 Februari 2021 telah meluluskan cadangan mewujudkan Garis Panduan Pengurusan Pekerjaan Luar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan pemurnian Pihak Berkuasa Melulus yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bilangan 5 Tahun 2021 bertarikh 14 Mac 2021.

3. Garis Panduan ini diwujudkan bertujuan untuk memberikan panduan kepada Staf UTHM tatacara bagaimana mendapatkan kebenaran bertulis untuk menjalankan pekerjaan luar di bawah peraturan 4, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

**PELAKSANAAN**

1. Perincian Garis Panduan ini dan Soalan Lazim yang berkaitan adalah seperti di **Lampiran**. Kepatuhan kepada pelaksanaan Garis Panduan ini akan dipantau oleh Ketua PTj bersama-sama dengan Unit Integriti dan Pejabat Penasihat Undang-undang.

2. Sehubungan itu, semua staf universiti digesa agar mematuhi Garis Panduan yang telah ditetapkan dan Ketua PTj dimohon untuk memastikan Garis Panduan ini disampaikan kepada staf seliaan masing-masing dan menjalankan pemantauan yang sewajarnya bagi membantu mengelakkan staf daripada melanggar Garis Panduan yang telah ditetapkan ini.

## **TARIKH KUATKUASA**

Pemakaian Garis Panduan ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya diluluskan.


Sekian untuk makluman dan perhatian YBhg. Prof. Datuk/ Prof. / Tuan/ Puan.

Terima kasih.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”**

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

Yang benar,



**NAIM BIN MASLAN**

Menjalankan Tugas Pendaftar

☎ : 07-4537105